

SULIT



**UNIT PENGURUSAN PEENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PELAJARAN NEGERI PULAU PINANG**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2011
PENDIDIKAN ISLAM**

1223/1

**Kertas 1
September
2 jam**

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama dan tingkatan anda pada ruang yang disediakan.*
5. *Kertas jawapan Bahagian A hendaklah diikat bersama-sama kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

SULIT

2

1223/1

BAHAGIAN A

[40 markah]

Jawab semua soalan
Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

- 1 Lari dari medan perang merupakan dosa besar kerana
 - A tentera Islam akan mengalami kekalahan
 - B tentera Islam akan berpecah-belah
 - C agama Islam akan dipandang hina
 - D memalukan kaum lelaki

- 2 Berikut adalah hikmah hukuman bunuh terhadap orang yang murtad **kecuali**
 - A menghalang gejala tersebut berleluasa
 - B mengelak perbuatan mencemarkan Islam
 - C menghindarkan masyarakat Islam daripada berpecah-belah
 - D untuk menakutkan orang kafir daripada memeluk agama Islam

- 3 Antara yang berikut siapakah memasyhurkan nama Ahli Sunnah Waljamaah?
 - I Muhammad al-Mahdi al-Qaim
 - II Abu al-Hassan al-Asyaari
 - III Abu Mansur al-Maturidi
 - IV Zaid bin Ali Zainal Abidin
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 4 Antara yang berikut manakah sebab munculnya Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah
 - I berlakunya perebutan kuasa dalam negara Islam
 - II berlakunya perpecahan dalam masyarakat Islam
 - III berlakunya amalan bidaah dalam masyarakat Islam
 - IV berlakunya penentangan terhadap para sahabat Rasulullah SAW
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

SULIT

3

1223/1

- 5 Apakah nama kitab suci bagi golongan Bahai?
- A Al-Tazkirah
 - B Al-Barakah
 - C Al-Rayyan
 - D Al-Bayan
- 6 Haji yang diterima oleh Allah SWT dikenali sebagai haji
- A mabrur
 - B mardud
 - C mubram
 - D muallaq
- 7 Jemaah haji disunatkan mandi **kecuali** ketika
- A berniat ihram di miqat
 - B memasuki Kota Mekah
 - C wukuf di Padang Arafah
 - D melontar jamrah di Mina
- 8 Berikut ialah bahagian-bahagian yang haram dimakan daripada binatang yang disembelih **kecuali**
- A darah
 - B pundi kencing
 - C hati dan jantung
 - D ketumbuhan antara kulit dan daging
- 9 Manakah prinsip insurans secara Islam?
- A al-ijarah
 - B al-syarikah
 - C al-mudharabah
 - D al-rahnu
- 10 Hukum perkahwinan menjadi makruh apabila seseorang
- A berkemampuan menunaikan nafkah zahir dan batin
 - B tidak mempunyai tuntutan mendesak untuk berkahwin
 - C tidak mampu memberi nafkah tetapi berkeinginan berkahwin
 - D berkemampuan dan tidak dapat mengawal hawa nafsu

SULIT

4

1223/1

11 Antara yang berikut manakah merupakan tanggungjawab suami?

- I Memberi nafkah zahir dan batin
- II Memelihara dan mendidik anak-anak
- III Memelihara kehormatan diri
- IV Memberi didikan yang baik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah merangkumi hukuman

- I denda sehingga RM 5000
- II penjara sehingga 3 bulan
- III penjara sehingga 3 tahun
- IV disebat 5 kali sebatan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

13 Langkah terbaik yang perlu diambil oleh rakyat untuk menegur pemimpin ialah

- A menyalurkannya melalui wakil rakyat
- B melaporkannya kepada akhbar
- C menentang secara terbuka
- D mengadakan demonstrasi

14 Semangat jihad dalam kalangan pelajar boleh dipupuk dengan cara

- A melibatkan diri dengan persatuan
- B menghadiri kelas tambahan
- C menyertai pertandingan
- D belajar bersama-sama

15 Berikut merupakan kelebihan aktiviti rekreasi dari aspek psikologi untuk jangka masa panjang

- I menguatkan stamina
- II menguatkan antibodi
- III mengaktifkan minda
- IV menenangkan jiwa

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

SULIT

5

1223/1

16 Berikut adalah cara perlantikan khulafa al-Rasyidin **kecuali**

- A warisan
- B wasiat
- C baiah
- D syura

- Menghapuskan cukai jizyah golongan mawali
- Digelar khalifah al-Rasyidin yang ke lima

17 Tokoh di atas ialah

- A Abu Bakar as-Siddiq
- B Muawiyah bin Abi Sufian
- C Marwan bin Muhamad
- D Umar bin Abdul Aziz

Bayaran yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang mendiami negara Islam


18 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A zakat
- B jizyah
- C kharaj
- D ghanimah

“Seandainya jumlah kamu yang beratus-ratus juta ini ditakdirkan menjadi lalat dan nyamuk sekalipun nescaya akan dapat memekakkan telinga orang Inggeris dengan suara kamu”

19 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh

- A Sayyid Jamaluddin al-Afghani
- B Sheikh Tahir Jalaluddin
- C Ibnu Sina
- D HAMKA



20 P dalam rajah di atas merujuk kepada

- A Imam Abu Hanifah
- B Imam Malik
- C Imam Syafie
- D Imam Ahmad bin Hanbal

Soalan 21 hingga Soalan 40


Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- 21 ialah berasa gembira melakukan ibadat, sanggup mengharungi kepayahan untuk mendapat keredhaan Allah SWT serta mengutamakan Allah SWT dan Rasul-Nya melebihi segalanya.
- 22 Mengharuskan nikah batin dan solat secara niat tanpa rukun qauli dan fikli merujuk kepada ajaran

Meyakini al-Quran adalah kalam Allah SWT yang bersifat qadim dan bukan makhluk.

23 Prinsip di atas merujuk kepada golongan

Soalan 24 berdasarkan carta di bawah.




24 Q dalam rajah di atas ialah

25 ialah kanak-kanak yang kematian bapa sebelum baligh.


- 26 Mengajak, menyuruh atau menyeru seseorang supaya melakukan kebaikan dinamakan
- 27 Syarak membenarkan bagi mengembalikan semula fungsi anggota badan dan memulihkan kecacatan.
- 28 Jihad al-akbar ialah
- 29 Kegiatan penulisan, pembukuan, pembinaan dan disiplin ilmu dikenali sebagai al-Tadwin telah berlaku dengan pesatnya pada zaman kerajaan Umayyah.

Soalan 30 berdasarkan carta di bawah.



- 30 R dalam rajah di atas ialah
- 31 Cek kembara (*travellers cheque*) yang digunakan oleh para pedagang zaman kerajaan Abbasiyah untuk memudahkan urusan kewangan ketika itu dikenali sebagai
- 32 Gelaran al-Syafie diambil sempena nama iaitu Syafi' bin as-Saib.
- 33 Masa bercukur bagi jemaah haji ialah selepas selesai
- 34 Pengambilan deposit skim cepat kaya dilarang dalam Islam kerana ia terdedah kepada unsur
- 35 Syarat barang untuk jualbeli ialah ia boleh diserahkan kepada pembeli ketika akad kecuali jualbeli
- 36 Keadilan dalam poligami adalah dari aspek lahiriah seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan
- 37 Talak yang menyalahi peraturan syarak iaitu suami menceraikan isterinya ketika haid dikenali sebagai

Soalan 38 berdasarkan carta di bawah.



- 38 S dalam rajah di atas ialah
- 39 Imam Bukhari telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang melalui kitabnya Sahih al-Bukhari.
- 40 Gelaran yang diberikan kepada Sheikh Tahir Jalaluddin kerana kemahirannya di dalam ilmu falak ialah

SULIT

9

1223/1

Bahagian B
[60 markah]

Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut.

- 1 (a) Zina adalah perbuatan keji yang dilaknat oleh Allah SWT.
- (i) Apakah maksud zina? [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab berlakunya zina dalam kalangan masyarakat. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** usaha menghindari perbuatan tersebut dalam kalangan remaja. [4 markah]
- (b) Ajaran sesat masih wujud dalam masyarakat hari ini.
- (i) Berikan takrif ajaran sesat. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** ciri ajaran tersebut. [4 markah]
- (c) Ajaran Syiah Batiniah bertentangan dengan fahaman Ahli Sunah Waljamaah.
- (i) Nyatakan perbezaan fahaman tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara membendung pengaruh Syiah Batiniah. [4 markah]
- 2 (a) (i) Bilakah jemaah haji dituntut melakukan tawaf widak. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat sah tawaf. [2 markah]
- (b) Jelaskan **dua** perbezaan antara hutang dan riba dari segi cara bayaran dan kesannya. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud idah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan hak isteri semasa berada dalam idah talak rajie. [2 markah]
- (iii) Terangkan hubungan kerukunan rumahtangga dengan pembangunan ummah. [4 markah]
- (d) Nyatakan hukum dan alasan bagi masalah berikut:
- (i) Muhammad yang berusia 10 tahun mengikut ayahnya menunaikan ibadat haji. [2 markah]
- (ii) Encik Afiq telah merujuk isterinya yang diceraikan secara khuluk dalam tempoh sebulan. [2 markah]

SULIT

10

1223/1

- 3 (a) Khalifah Umar al-Khattab terkenal dengan gelaran *al-Faruq*.
- (i) Bagaimana anda mencontohi sifat tersebut dalam kehidupan sebagai seorang pelajar? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** contoh ketegasan Khalifah Umar al-Khattab dalam pemerintahannya. [4 markah]
- (b) Sheikh Tahir Jalaluddin merupakan tokoh yang berani memperjuangkan idea-idea Islahnya.
- (i) Nyatakan **dua** buah negeri di Malaysia yang menjadi lokasi penyebaran idea Islah beliau. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** sifat peribadi beliau yang boleh anda contohi sebagai seorang pelajar dalam proses menuntut ilmu [4 markah]
- (c) Amar makruf dan nahi mungkar merupakan usaha dakwah yang sangat penting .
- (i) Jelaskan **dua** hikmah daripada pelaksanaan tuntutan ini. [4 markah]
 - (ii) Cadangkan **dua** cara yang boleh anda lakukan untuk mengatasi perkara mungkar yang berlaku di sekolah. [4 markah]
- 4 (a) Ilmu Falak atau astronomi merupakan bidang ilmu yang maju pada zaman Abbasiyah.
- (i) Apakah penemuan yang telah dicapai dalam bidang tersebut? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** pengajaran yang boleh anda contohi daripada kemajuan ilmu pada zaman tersebut. [4 markah]
- (b) Imam Malik Rahimahullah merupakan ulama Madinah yang paling alim di zamannya.
- (i) Nyatakan **dua** sifat kesederhanaan Imam Malik yang boleh anda contohi. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau kepada tamadun Islam. [4 markah]
- (c) Pemimpin berwibawa tunjang kemakmuran negara.
- (i) Senaraikan **empat** ciri pemimpin menurut Islam. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** cara pemimpin melaksanakan tanggungjawab memelihara agama. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA : _____

TING: _____

- | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-------|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 21 | _____ |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 22 | _____ |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 23 | _____ |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 24 | _____ |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 25 | _____ |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 26 | _____ |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 27 | _____ |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 28 | _____ |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 29 | _____ |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 30 | _____ |
| 11 | (A) | (B) | (C) | (D) | 31 | _____ |
| 12 | (A) | (B) | (C) | (D) | 32 | _____ |
| 13 | (A) | (B) | (C) | (D) | 33 | _____ |
| 14 | (A) | (B) | (C) | (D) | 34 | _____ |
| 15 | (A) | (B) | (C) | (D) | 35 | _____ |
| 16 | (A) | (B) | (C) | (D) | 36 | _____ |
| 17 | (A) | (B) | (C) | (D) | 37 | _____ |
| 18 | (A) | (B) | (C) | (D) | 38 | _____ |
| 19 | (A) | (B) | (C) | (D) | 39 | _____ |
| 20 | (A) | (B) | (C) | (D) | 40 | _____ |

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
A	1 hingga 40	40	
	1	20	
B	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	